



**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
WISMA LKIM JALAN DESARIA
PULAU MERANTI PUCHONG
SELANGOR**

KENYATAAN SEBUT HARGA

(TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR YANG BERDAFTAR DENGAN CIDB DALAM NEGERI SARAWAK SAHAJA)

NO. SEBUTHARGA : LKIM: S14/2026

PROJEK : CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN DI PROJEK AKUAKULTUR PERSATUAN NELAYAN SATANG BIRU, SARAWAK.

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB seperti berikut :-

CIDB	PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK)	
	GRED	: G3 (Negeri Sarawak)
	KATEGORI	: CE
	PENGKHUSUSAN	: CE01: Pembinaan Jalan Dan Pavemen
	DAN	
CIDB	SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)	

ATAU

CIDB	PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK)	
	GRED	: Negeri Sarawak
	DAN	
UPKJ	CLASS	: C
	HEAD	: III (Road Work / Earthworks)
	SUB-HEAD	: 2

Kebenaran Khas adalah tidak dibenarkan

2. Tuan/puan dinasihatkan untuk memastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup Sebut Harga. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki pihak tuan/puan.
3. Sebut harga ini adalah dibuka melalui Sistem Tenderwizard LKIM secara atas talian. Semua kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini perlu menggunakan Sistem Tenderwizard LKIM ini yang boleh dilayari dilaman sesawang <http://www.tenderwizard.my/LKIM>. Urusan pertanyaan berkaitan Sistem Tenderwizard LKIM hanya melalui talian **03-80649542 (Puan Noor Hafiezal Binti Awang)** Unit Perolehan LKIM dan waktu urusan Isnin – Jumaat pada jam 9:00 Pagi – 4.00 Petang.
4. Oleh itu, semua kontraktor **DIKEHENDAKI** mendaftar terlebih dahulu secara atas talian bagi mendapatkan id pengguna dan juga kata laluan melalui laman sesawang <http://www.tenderwizard.my/LKIM>.

5. Semua pembekal/kontraktor akan dikenakan **Yuran Pendaftaran** sebanyak **RM180.00** yang perlu dibayar kepada pembekal sistem. Akses ini hanya akan diaktifkan selepas pembekal/kontraktor melengkapkan permohonan secara atas talian dan menjelaskan yuran pendaftaran. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX secara atas talian. Yuran pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun-tahun berikutnya.
6. Taklimat dan Lawatan tapak akan di adakan pada masa, tarikh dan tempat seperti berikut dan kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**. Kontraktor yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan menyertai tawaran sebut harga ini.

Tarikh : 03 Julai 2026 (Jumaat)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Persatuan Nelayan Kawasan Satang Biru
Jalan Matang, Kampung Telaga Air,
93250 Kuching
Sarawak



7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, **hanya penama** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri sesi taklimat/lawatan tapak dan **tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan di dalam sijil tersebut**. Sehubungan dengan itu, **Pihak Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir sendiri dengan membawa Kad Pengenalan (penama di dalam sijil SPKK sahaja) serta satu (1) salinan sijil untuk simpanan LKIM.**
8. Untuk makluman pihak Tuan/Puan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)** adalah merupakan sijil akuan status pematuhan pembayar cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebagai dokumen prasyarat bagi tujuan perolehan Kerajaan. TCC adalah **DOKUMEN WAJIB** kelayakan asas sebut harga. Penyebut harga* yang tidak mengemukakan TCC atau mengemukakan TCC berstatus '**Tidak Patuh**' / TCC yang tidak sah, dinilai sebagai '**Gagal**' mengemukakan dokumen wajib taklimat dan lawatan tapak.
9. Urusan pertanyaan mengenai lawatan tapak hanya melalui talian **03-80649140 (Pn. Nur Alia Atirah Binti Hamdan)** dan waktu urusan Isnin – Jumaat pada jam 9:00 Pagi – 4.00 Petang.
10. Sebut harga ini akan dijual mulai **03 Julai 2026 sehingga 16 Julai 2026 jam 11.00** pagi secara "online" melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>** dengan kadar bayaran **RM10.00**.
11. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan WAJIB di isi (Key in) dalam Sistem Tenderwizard LKIM secara "Online" melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>** pada atau sebelum **16 Julai 2026 jam 12.00** tengahari.
12. Fi Perkhidmatan sebanyak 0.864% bagi setiap transaksi yang dijana melalui Sistem Tenderwizard LKIM akan dikenakan kepada kontraktor yang dilantik kepada had maksimum RM 10,368.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM 1.2 Juta. Oleh itu syarikat dikehendaki mengambilkira Fi Perkhidmatan ini dalam tawaran Sebut Harga yang dikemukakan.